

# BE Insight

MAY / 2022

**Mentaliti Betul,  
Nasib Diubah!**



# 6 Mentaliti yang Mengubah Nasib



Seorang ahli falsafah berkata: "Mentaliti anda adalah tuan sejati anda." Mentaliti yang betul menjayakan anda; mentaliti yang salah membinasakan anda. Mentaliti mempengaruhi kemampuan seseorang, kemampuan pula mempengaruhi nasib seseorang.

Kita mengawal mentaliti kita sendiri secara subjektif. Mentaliti yang berbeza membawa hasil yang berbeza. Ia menentukan kejayaan atau kegagalan kita. Di dunia ini, peratusan orang yang berjaya adalah 3% manakala 97% adalah sebaliknya. Ia kerana orang yang berjaya mempunyai kepercayaan yang kuat dan pemikiran yang positif bagi menyemarakkan motivasi and pelan tindakan mereka.

## 1 Mentaliti Kejayaan

Jika seseorang ingin berjaya dalam sesuatu kerjaya, pertama sekali perlu membentuk mentaliti kejayaan dan ketabahan dahulu, yakni jika ingin berjaya, mesti terlebih dahulu berazam, berani bermimpi, dan berani mencabar, barulah boleh merealisasikan. Jika seseorang tidak mempunyai keinginan yang kuat untuk berjaya, ia tidak akan mengambil sebarang tindakan untuk mencapai matlamat kejayaan.

## 2 Mentaliti Belajar

Menuntut ilmu adalah satu-satunya cara untuk memperoleh pengetahuan, di mana ia adalah "sayap impian" anda. Pada masa kini, pengetahuan sering dikemaskini dengan pantas dan jika tidak direbut, anda akan ketinggalan di belakang. Dalam segala bidang, hanya pakar yang mampu mendapat habuan besar, dan untuk mendapat kepakaran, anda harus terus mengejar ilmu.



## 3 Mentaliti Menyumbang

Memberi adalah menerima. Kejayaan bukanlah suatu perjalanan yang mudah. Ia memerlukan ketekunan, kerja keras dan komitmen. Dalam menuju kejayaan, sumbanglah terlebih dahulu, barulah menerima di kemudian hari.





## 4 *Mentaliti Optimistik*

Tidak kira apa yang dilakukan, anda mungkin menghadapi kesukaran. Bagi yang pesimis, anda akan ketinggalan dan sukar untuk mencapai kejayaan. Mereka yang bersikap optimis menganggap segala kesukaran dan halangan sebagai lumrah hidup dan satu-satunya cara untuk berjaya dalam kehidupan dan kerjaya. Setelah mengatasi kesukaran dan masalah dengan sikap positif dan optimistik, kejayaan pastinya akan dimiliki.


## 5 *Mentaliti Disiplin Diri*

Orang yang berjaya pastinya sangat berdisiplin dan berusaha supaya mereka mencapai tahap yang tinggi. Kemuncak pencapaian datang dari disiplin diri. Pertama sekali, anda mesti mempunyai disiplin diri, sering memperbaiki diri dan mempunyai keyakinan diri. Tanpa disiplin, peningkatan diri sukar dicapai dan menyukarkan seseorang itu untuk menjadi cemerlang. Ia juga merupakan kunci dalam mengekalkan kecekapan.



## 6 *Mentaliti Bersyukur*

Tiada siapa diwajibkan untuk menolong kita. Kita yang harus mempunyai hati yang bersyukur terhadap orang di sekeliling, melayani setiap insan secara adil, dan menghormati setiap usaha orang lain. Bersyukurlah untuk segalanya, termasuk rintangan, saingan dan lawan kita, kerana setiap perkara yang wujud ada sebabnya. Tanpa semua ini, anda tidak akan wujud.





AULORA  
Arm Sleeves  
KODENSHI®

## AULORA ARM SLEEVES

**Pemberian hadiah,  
pemberian harapan,  
menjaga orang yang  
anda sayangi**

Pemberian kecil berhati besar. Dalam menunjukkan kasih sayang, niat memberi adalah lebih dari segalanya. Saiz hadiah tidak penting, asalkan penerimanya merasai keikhlasan dan kasih sayang anda. Inilah yang dikatakan pemberian kecil berhati besar. Hadiahkan insan tersayang edisi terbaharu Aulora Series dan nyatakan betapa bermaknanya mereka terhadap anda.

### **Kesihatan di luar keselesaan**

Diperbuat dari serat KODENSHI® yang membantu mengawal suhu badan dan kesihatan keseluruhan.

### **Memberikan kestabilan dan stamina yang berpanjangan**

Menegangkan otot lengan dan memberikan tenaga kepada otot dalam setiap pergerakan.

### **Perlindungan UV**

Melindungi kulit dari pendedahan berlebihan terhadap sinaran matahari.

### **Rekabentuk mampat lingkaran ergonomik**

Memberikan pemampatan menyeluruh kepada titik meridian penting demi menggalakan pengaliran darah yang lebih baik.

### **Gabungan inovasi dan fesyen**

Membolehkan anda berpakaian selesa sambil bergaya dan meningkatkan tenaga harian pada masa yang sama.





AULORA  
Scarf  
KODENSHI®

## AULORA SCARF



### **Kain berganda yang mulus**

Jahitan bahagian dalam dengan pusingan 180 darjah untuk bertukar serta-merta daripada topi kepada penghangat leher.

### **Sihat & bergaya**

Gunakan serat KODENSHI® untuk mengawal suhu badan dan membantu memanaskan kepala dan leher.

### **Kreativiti mencipta fesyen**

reka bentuk pelbagai fungsi menjadikan penggunaannya fleksibel, boleh menjadi selendang, topi sejuk, ikat kepala, penghangat leher dan topi tidur.

*Selamat Hari Bapa!*

## **Berikan adiwira anda hadiah yang cukup 'GAGAH'!**

Pada Hari Bapa yang akan datang, ingatlah untuk menyediakan hadiah istimewa untuk ayah hebat yang istimewa demi meluahkan kasih sayang anda yang paling ikhlas!



### **Hadiah hebat: ZENCOSO Chewable Ball**

Pejabat adalah rumah kedua ayah. Walaupun di rumah, ayah senantiasa sibuk menyemak e-mel atau urusan kerja, anda boleh memberinya ZENCOSO Chewable Balls, supaya ia masih dapat menyerap 98 jenis ekstrak tumbuhan, yang membantu menggalakkan metabolisme dan meningkatkan tenaga, membolehkannya menghadapi kerjanya dengan lebih bertenaga.

### **Hadiah hebat: SET AULORA**

Jikalau ayah ada tabiat bersenam, belikan SET AULORA untuknya. Sepasang seluar dan stoking AULORA untuk membantu memberikan prestasi sukan di samping kehangatan badan.



### **Hadiah hebat: SLENDEZMEAL**

Ayah sering bekerja lebih masa, latihan, mesyuarat dan perjalanan perniagaan, jadi mudah terlepas waktu makan tengah hari. Anda boleh memberinya SlendezMeal. Segelas SlendezMeal apabila ia sedang mengejar masa atau tergesa-gesa, bukan sahaja dapat mengisi perutnya, malah juga menambah nutrien keperluan hariannya.



Makan malam bersama Founder



“

**Percaya dan Anda  
Akan Mencapainya!**

**RCCA Sylvia Ho  
& Danny Wong**

Suri rumah / Ahli perniagaan

RCCA Sylvia Ho dari Hong Kong memulakan perjalanan BEnya dengan satu sebab kukuh: PERCAYA

### PERCAYA PADA PRODUK DAN ORANG

Ketika mencari produk untuk menguruskan badan selepas bersalin, pertemuan beliau menemui BE dan mencipta laluan kerjaya yang berbeza untuknya.

“Ibu saya memberitahu saya tentang sepasang seluar yang dipakai oleh kakak ipar saya yang tinggal di New Zealand. Ia seolah-olah membantunya menurunkan berat badan, jadi saya mencari produk itu dalam talian dan menemui upline saya di Malaysia dan BE International.

Ketika itu ialah tahun 2018 dan produknya ialah Aulora Pants dari BE International, yang masih baharu di Malaysia. Semasa Sylvia meneliti maklumat itu, beliau kagum dengan ketelusan syarikat dan suasana positif yang dijana oleh orang yang menjalankan perniagaan itu. Beliau segera melihat peluang keemasan dalam Aulora Pants dan perniagaan BE dan menganggap beliau boleh menjadi perintis dalam pasaran Hong Kong.

### PENGGALAK KEYAKINAN



BE The Legend Convention

Seorang suri rumah yang dahulunya seorang pereka fesyen dan kemudiannya, seorang pereka aksesori perak yang bekerja dari rumah, Sylvia pernah bekerja sendirian dan di belakang tabir. Oleh itu, komunikasi bukanlah kekuatannya. “Tetapi disebabkan saya mendapat manfaat daripada memakai Aulora Pants dengan tekun, perkongsian saya datang secara semula jadi dan senang. Setiap kali saya menerima maklum balas positif daripada pelanggan saya menggunakan produk BE, keyakinan saya semakin bertambah dan mendorong saya untuk terus berkongsi dan membantu orang ramai menikmati kesihatan sambil membina perniagaan mereka.” Lama kelamaan, Sylvia berkembang daripada

seorang introvert kepada seorang ekstrovert yang ceria dan peramah yang mengalu-alukan cabaran, serta gemar menjalinkan persahabatan baharu dari semua lapisan masyarakat di seluruh dunia.

Pandemik dan sekatan dalam tempoh dua tahun lepas telah menyebabkan banyak aktiviti perniagaan terhenti dan menghalang pertumbuhan ekonomi, tetapi Sylvia tidak pernah bimbang kerana BE sudah berada dalam talian sebelum wabak itu.

“Terima kasih kepada teknologi, kami dapat menghadiri mesyuarat maya dan acara perkongsian. Apabila BE berjaya mendarat di Hong Kong dan membuka



Menghadiri Seminar



Perkongsian produk

pejabat cawangannya di sini pada April 2020, terbukti bahawa BE diterajui oleh pengasas yang berwawasan dan keyakinan kami meningkat.”

### MENJALANI GAYA HIDUP YANG DIINGINI

Ia senantiasa menjadi matlamat Sylvia untuk menjadi ibu sepenuh masa dengan kerjaya. “Perniagaan BE telah membolehkan saya membina perniagaan global tanpa menjejaskan keutamaan saya, iaitu keluarga saya. Produknya juga telah membantu saya menjadi lebih yakin dan lebih sihat. Ia adalah perniagaan kebahagiaan.”



Bergambar dengan upline dan IBO

“

Sylvia adalah salah seorang pemimpin yang berjaya menjadi RCCA semasa pandemik. "Anda tidak perlu iri hati dengan kejayaan orang kerana orang yang berjaya telah mencurahkan keringat dan air mata mereka ke dalam perniagaan mereka. Jika anda mempunyai impian, ambil langkah pertama. Jangan beri alasan atau meragui kemampuan anda kerana manusia mempunyai potensi yang besar. Cabar diri anda untuk melakukan perkara yang anda tidak pernah lakukan. Keluar dari zon selesa anda dan kagum dengan apa yang boleh anda capai.”







Gambar bersama Founder



“

## Jadilah Pahlawan bukannya Perisau

**RCCA Nurul Farehah &  
Eimir Azmi**

Suri Rumah & Pengarah Jualan Wilayah

RCCA Eimir dan Farehah pasangan yang biasa, di mana Eimir sebagai pencari nafkah dan Farehah sebagai suri rumah. Sementara Farehah menjalani kehidupan yang rutin, senada dan membosankan, Eimir mempunyai pekerjaan yang sibuk, dan merupakan suami hujung minggu dan orang asing kepada anak-anak mereka.

### FIKIRAN SEORANG PERISAU

Farehah kadangkala menjadi murung apabila memikirkan apa yang akan berlaku kepada dirinya dan anak-anak sekiranya mereka kehilangan Eimir atau jika beliau berhenti menjadi pencari nafkah. "Saya ingin melakukan sesuatu tetapi kembali kepada pekerjaan pejabat bukanlah satu pilihan. Saya tertekan."

Sementara itu, pekerjaan Eimir yang mencabar sebagai pengarah jualan wilayah menyebabkan beliau kekurangan masa untuk keluarga. "Keutamaan saya adalah meletakkan makanan di atas meja. Apabila Farehah berhenti kerja untuk menjaga keluarga, menjadi tanggungjawab saya untuk menguruskan selebihnya."

Pada 2018, Farehah membeli sepasang Aulora Pants untuk ibunya yang telah mengalami masalah cakera tergelincir selama 20 tahun.



Membeli kereta impian saya

"Hasilnya sangat meyakinkan. Apabila saya mendapati bahawa saya boleh menjana pendapatan dengan hanya berkongsi testimonial ibu saya, saya meneruskannya dan selebihnya adalah sejarah."

Eimir menyedari penglibatan Farehah dalam perniagaan MLM, tetapi beliau ragu-ragu dengan kesungguhan Farehah dalam perniagaan BE. Hanya sepanjang tempoh PKP tahun 2020 barulah beliau melihat potensi dalam BE.


"Saya terkejut melihat Farehah senantiasa seronok di dalam mesyuarat Zoom dan menjalankan perniagaan BEnya dengan gembira semasa PKP. Sebaliknya, saya bimbang tentang pekerjaan saya, terkapai-kapai menunggu

rancangan kontingensi dan keputusan daripada pengurusan senior saya. Tekanan sangat kuat, dan saya berasa terperangkap dan tidak terdaya disebabkan PKP itu.”

### FIKIRAN SEORANG PAHLAWAN

Pada September 2020, tertekan oleh angka jualan yang mencabar dan banyak sekatan, Eimir memberitahu Farehah tentang ideanya untuk berhenti dan memulakan perniagaan.

“Pada masa lalu, saya akan memberitahu Eimir supaya jangan meletakkan jawatan kerana kerjanya adalah jaringan keselamatan kami dan memulakan suatu perniagaan terlalu berisiko. Tetapi kali ini, saya menyokong keputusannya



Perkongsian produk

dengan satu syarat: sertai saya dalam perniagaan BE, jangan bersusah payah memulakan perniagaan lain,” kongsi Farehah.

Buat pertama kalinya, Farehah menunjukkan penyata pendapatan BEnya kepada Eimir, dan pelan pemasaran, produk, latar belakang syarikat dan pengasas syarikat. Emir terpegun. Pertama, beliau menjangkakan Farehah akan berkata 'tidak' kepada keputusannya untuk meletakkan jawatan. Kemudian, melihat penyata pendapatannya dan maklumat syarikat meyakinkannya untuk menyertainya.

Sejak pasangan RCCA ini berkahwin pada 2004, mereka selalu melakukan perkara secara berasingan. Akhirnya, dengan perniagaan BE, mereka bekerjasama dan berkongsi kehidupan mereka. "Saya tidak lagi bimbang sekarang kerana bekerja dengan Eimir dalam perniagaan BE kami telah memberi saya jaminan yang saya perlukan," kongsi Farehah.



Membeli rumah impian saya



“

Bersikap adil kepada diri sendiri. Berikan diri anda peluang untuk mengetahui tentang Aulora Pants dan peluang BE. Peluang muncul dalam pelbagai bentuk, dan bentuk terbaik muncul dalam seragam sut kelabu BE,” akhiri pasangan itu.



Gambar bersama Founder



“

Jangan biarkan rasa puas hati menghambat pertumbuhan

**Liza Jiwat**

Pemilik butik fesyen

RCCA Liza merupakan anak tunggal dan menjadi yatim piatu ketika berusia 19 tahun. Seorang yang rajin, berazam dan bersemangat, beliau sentiasa mencabar dirinya untuk menceburi bidang usaha baharu dan mencari pertumbuhan serta kejayaan. Menjadi RCCA hanyalah permulaan usaha seterusnya untuk memenuhi impiannya yang belum tercapai lagi.

### PERTUMBUHAN BERTERUSAN DENGAN BE

Liza mula bekerja selepas tamat STPM dalam pentadbiran. Selepas 4 tahun, beliau beralih kepada jualan.

“Saya menjalankan jualan dalam industri perbankan, kereta dan lain-lain tetapi penat mengejar sasaran jualan selepas beberapa ketika. Jadi, pada awal tahun 2015, saya membuka sebuah butik dengan wang simpanan saya. Setahun kemudian, saya mengembangkan perniagaan butik saya dengan menjadi stokis untuk suatu jenama pakaian dalam dan korset Hong Kong, menguruskan lebih 80 orang ejen.”

Senantiasa bersedia untuk cabaran baharu, Liza segera menyahut perniagaan BE apabila beliau diperkenalkan kepadanya. “Saya percaya bahawa



Membeli kereta impian saya

jualan langsung ialah platform yang baik untuk pertumbuhan berterusan kerana kami sentiasa mempunyai pengalaman dan kemahiran yang kami perolehi sepanjang perjalanan.”

Seperti mana-mana perniagaan, sudah tentu ada cabaran dalam BE. “Tetapi tidak ada yang besar-besar sebenarnya. Anda hanya perlu berurusan dengannya secara tabah. Setiap kali apabila saya berasa rangsangan terlampau dan sukar ditangani, saya hanya mendengar muzik untuk tenang diri.”

Berbincang mengenai pengalaman bertahun-tahun bekerja dalam pelbagai bidang, Liza berkata bahawa beliau tidak pernah melihat mana-mana peluang

perniagaan seperti BE, di mana sesiapa sahaja boleh berjaya. “Seorang kawan lama saya yang merupakan seorang OKU mampu menjana pendapatan lumayan melalui perniagaan BE. Kisahnya benar-benar luar biasa dan tidak dapat dilupakan. Hanya ada satu strategi untuk berjaya di BE, iaitu ikut sistem BE. Anda tidak perlu membuat strategi anda sendiri. Hanya fokus pada sistem BE dan ikuti dengan sepenuh hati.”

Liza mengakui bahawa beliau adalah orang yang tidak pernah sabar dan tidak suka mengikut orang. “Apabila saya membuat keputusan untuk menjalankan perniagaan BE dengan serius, saya sedar bahawa saya perlu mengatasi kelemahan ini.



#### Menghadiri Seminar



Perkongsian produk

Saya harus belajar lebih bersabar. Perlahan-lahan, lama-kelamaan, saya menjadi lebih sabar. Saya sebenarnya agak kagum dengan peningkatan diri saya!”

#### IMPIAN YANG BELUM TERCAPAI

Liza bermimpi untuk mempunyai lebih banyak masa untuk hobi jahitan silang, sesuatu yang biasa dilakukan bersama arwah ibunya. “Selepas SPM, saya membuat 10 projek jahitan silang yang menampilkan kucing. Tidak disangka-sangka, seseorang membeli salah satu daripadanya dan ibu saya amat bangga dan terharu. Saya bukanlah seorang pelajar cemerlang jadi ibu saya sangat gembira kerana saya telah menemui satu bakat kecil,” Farah tersenyum mengenangkan kesyukuran ibunya.

“Dengan kerjaya BE, saya tahu saya akan mempunyai masa untuk menyambung semula hobi ini.”

“Liza juga berharap dapat melakukan kerja amal sekerap yang boleh, sama ada dalam bentuk kewangan atau lain-lain. “Sebelum ini, saya tidak dapat melakukan ini tetapi dengan BE, akhirnya saya boleh menyumbang lebih banyak kepada masyarakat.”



Gala Dinner





Royal Crown Council Ambassador (RCCA)  
皇家皇冠委员大使



SITI HAJJAR BTE MOHAMAD IGHBAL & HERMI RIZAL BIN SUMATOH



HANISAH BINTI SARIDI & ADRIAN FREDDIE FERNANDEZ



Crown Council Ambassador (CCA)  
皇冠委员大使



ANGELA HAN HOOI LENG



Diamond Council Ambassador (DCA)  
钻石委员大使



ARABI BINTI YUSOF & MOHD NORHUSAIRI ABDUL HALIL



FUZIAH BINTI BUJANG & RIDZUAN MOHD SAGIR



JOHAN KARL WANSELIUS



NOOR SHEILA AZREEN BINTI RAMLI



PAN OI TZE & CHING CHAIN KEONG



TAN MAY CHING



TEE AH LIAN



YVONNE YEE SZE MUN

# THE CHALLENGER 2.0

# TOP CCA ASSEMBLE



CCA HASLINDA BINTI IDRIS /  
MOHD FAIZAL BIN NASHAHAR



CCA NORFADZELA BT  
ABDUL LATIF



CCA LEONG CHEAT MIN /  
LEE MOK SIANG



CCA VIVIAN PANG LI HUEY /  
CHNG KOK SIONG



CCA HAN HOOI LENG



CCA LOW NOOK CHIN /  
HEW MUN HON



CCA LOIS LIEW TEAN RUEY /  
BRYAN TAN CHOON HO



CCA CHANG BOON CHUI /  
SONG HUA HUI



CCA AFROHAH ABD HAMID /  
MOHD NASIR CHE EMBREE



CCA KONG YOKE YEN /  
CHOON TEIK KOK



# THE CHALLENGER 2.0

# TOP 10 SPONSOR

1. ECA ANIDA SALWANI BINTI ABDUL HADI / MOHD AZIS NGAH
2. ECA WAN AIFAA BINTI WAN AZMAN / MOHD NIZAM BIN A.HAMID
3. DCA ARABI BINTI YUSOF / MOHD NORHUSAIRI ABDUL HALIL
4. ECA NORMAH BINTI ABD SAMAD / MUHAMMAD ASRI BIN MADI
5. ECA AMELIA EZREEN ABU BAKAR
6. ECA SITI NOR HAYATI BINTI ABD SAMAD / PONA JAN BIN WAGIMAN
7. ECA MUSA BUANG / ERNI MARLINA BINTI MADZLAN
8. ECA IDA HARTINA AHMED THARBE / AHMAD NIZAM MD REDZUAN
9. ECA NORKIAH BT SHAARI / NOR JAMARI BIN MAT NOORDIN
10. ECA AHLAM BINTI OTHMAN



SV1, 2022 TO SV3, 2022

THE CHALLENGER 2.0

# TOP 10 AMBASSADOR PRODUCER

1. DCA ALEXANDER LYE THIM LOONG / YAP WEI ING
2. DCA RUHAYA IBRAHIM
3. DCA FAIZAH BTE ABD GHANI / ABD WAHID BIN BACHOK
4. DCA ARABI BINTI YUSOF / MOHD NORHUSAIRI ABDUL HALIL
5. DCA SEEVARETNAM A/L SABARATNAM / AUGUSTINE S.M. PUSHPANATHAN
6. DCA PAN OITZE / CHING CHAIN KEONG
7. DCA NURUL DIYANA BINTI ZAINUL IHSAN / NABIL NAZMI BIN HARITH GORDON
8. DCA HAJAH IDAHWATI @'IRDINA NUR' AIDAH HJ IDRIS / HASNAN BIN HAJI JALIL
9. DCA TOH WAN
10. DCA NUR AKMALINA ISKANDAR / MOHD AZLAN BIN ADZANAN



SV1, 2022 TO SV3, 2022



# Seoul, Korea Selatan ISTANA GYEONGBOKGUNG



**BE a  
WORLD**  
*Traveller*

**BE LIFESTYLE TRAVEL -  
SEOUL, KOREA SELATAN 2022  
(6 HARI 4 MALAM)**

TEMPOH KELAYAKAN :  
SV2'2022 - SV7'2022

Istana Gyeongbokgung, yang menduduki kawasan terbesar dan mempunyai reka bentuk seni bina yang paling indah antara lima istana utama di Korea Selatan, merupakan istana utama Dinasti Joseon. Ia masih mengekalkan gaya seni bina lama Dinasti Joseon, dan mencerminkan sepenuhnya seni bina purba Korea Selatan. Jika anda berpeluang bertembung dengan lawatan malam terhad setiap tahun secara kebetulan, anda juga boleh mengalami keunikan bandar purba pada waktu malam.

*\*Semua imej adalah untuk rujukan sahaja. \*Mesti memenuhi terma dan syarat.*